



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : pro@moa.gov.my

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

KENYATAAN MEDIA

MOA MELUPUSKAN BOT RAMPASAN NELAYAN ASING YANG MENCEROBOH KE PERAIRAN MALAYSIA

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) amat prihatin berkaitan isu pencerobohan bot nelayan asing ke perairan negara yang mengakibatkan ketirisan hasil laut dianggarkan bernilai RM6 bilion setahun dan memberi kesan kepada ekonomi rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, MOA melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membanteras pencerobohan bot asing terutamanya di perairan Pantai Timur Malaysia.

Program pada hari ini menyaksikan proses pelupusan **6 buah bot rampasan asing** yang telah dilucuthak di bawah Akta Perikanan 1985 melalui kerjasama DOF dan APMM yang mana 2 buah bot hasil tangkapan oleh DOF manakala 4 buah bot oleh APMM.

Satu Jawatankuasa Antara Kementerian (Interministerial Committee) melibatkan MOA, Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) telah melaksanakan **OPS NAGA** bermula 24 April 2019 lalu bagi mengekang aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan tempatan. Dalam tempoh lima bulan, OPS NAGA ini berjaya menahan sebanyak **128 vesel** termasuk warga asing yang telah dihadapkan ke mahkamah. Untuk makluman juga, sebanyak **647 kes tangkapan bot asing** telah dilaksanakan oleh penguatkuasa DOF, PPM dan APMM pada tahun **2015 hingga kini**.

Di samping itu juga, PPM bersama DOF telah menjalankan **OPERASI GELORA KHAS** yang bermula Jun lalu, yang dijalankan kira-kira 100 batu nautika dari Pulau Tioman, Pahang sehingga ke Pulau Tenggol, Dungun, Terengganu. Hasil operasi bersepadu ini berjaya merampas **14 bot nelayan asing** dengan nilai rampasan kira-kira RM12 juta yang dipercayai telah menceroboh perairan negara serta mencuri hasil laut untuk dibawa balik ke negara asal mereka.

Kerajaan Malaysia mengharapkan pelupusan bot-bot rampasan ini akan memberi amaran dan pengajaran kepada mana-mana bot asing yang cuba menceroboh perairan Malaysia.

Di samping itu, pelupusan bot dengan kaedah penenggelaman memberikan manfaat kepada para nelayan kerana ianya akan menjadi habitat perikanan yang baru sekaligus dapat menjana ekonomi para nelayan. Bot ditenggelamkan di kawasan lingkungan 5 batu nautika daripada pesisir pantai juga bertujuan mengelakkan berlakunya pencerobohan pukut tunda.

Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan 2019) telah mendapat kelulusan Parlimen bagi meningkatkan kadar denda dan mengekang pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan negara. Ianya melibatkan denda maksimum bagi nakhoda bot asing yang menceroboh perairan Malaysia dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta, selain penalti bagi tiap-tiap anggota kru juga dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000.

Kerajaan Malaysia begitu komited dalam memerangi isu “**Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) Fishing**”. Kerjasama serantau untuk membanteras penangkapan ikan secara haram (RPOA-IUU) juga diperkukuhkan melalui platform bilateral dengan negara-negara ASEAN terutamanya.

3 OKTOBER 2019

**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Blok 4G1, Wisma Tani, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62624, Putrajaya
www.moa.gov.my, 03-8870 1000